



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 6/2018

PENGUNAAN FRASA “SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH” BAGI MENGANTIKAN FRASA “SAYA YANG MENURUT PERINTAH”

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkenaan penggunaan frasa “**Saya yang menjalankan amanah**” bagi menggantikan frasa “**Saya yang menurut perintah**” dalam urusan penyediaan surat rasmi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007: Panduan Pengurusan Pejabat, Bahagian VI, perenggan 6.4(g) sebelum ini menyatakan bahawa setiap surat harus diakhiri dengan frasa “Saya yang menurut perintah” di sudut sebelah kiri bawah surat sebelum ditandatangani oleh pegawai yang berkenaan.



- 2.2 Kerajaan bersetuju supaya frasa ini **digantikan dengan frasa “Saya yang menjalankan amanah”** selaras dengan hasrat untuk memastikan penjawat awam menghayati setiap perintah, tugas dan tanggungjawab ialah amanah yang perlu digalas sebaiknya.
- 2.3 Arahan penggunaan frasa ‘Saya yang menjalankan amanah’ telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (3) bertarikh 20 September 2018.
- 2.4 **Mesyuarat JKPU Bil. 33/2018 yang bersidang pada 26 September 2018 telah bersetuju untuk menerima pakai arahan ini berkuat kuasa serta merta.**

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Semua urusan penyediaan surat rasmi universiti hendaklah menggunakan frasa **“Saya yang menjalankan amanah”** bagi menggantikan frasa **“Saya yang menurut perintah”** di sudut sebelah kiri bawah surat sebelum ditandatangani.
- 3.2 Amanah dalam konteks ini bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gigih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat ditetapkan.
- 3.3 Ia juga bermaksud mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri, rakan serta organisasi.
- 3.4 Sifat amanah ialah nilai asas yang perlu ada dalam setiap staf untuk menjalankan tugas mengikut bidang kerja masing-masing supaya kualiti perkhidmatan berada di tahap tertinggi.



4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar ini adalah berkuat kuasa mulai **tarikh ia dikeluarkan**.

5.0 PINDAAN

Penggantian frasa ini hanya meminda perenggan 6.4(g), Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Ilmu dan Akhlak’

Saya yang menjalankan amanah,


ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar

s.k:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Penasihat Undang-Undang

Ketua Pustakawan

Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan